

UCAPAN ALUAN

**Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSELOR**

TAKLIMAT GST

**05 MAC 2015 (KHAMIS)
DEWAN BESAR
9.00 PAGI**

Bismillahirahmanirahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,
Melaka 753 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Cepat, Tepat.

SALUTASI

Yang Berbahagia Dato' Syed Mohri bin Syed Abu Bakar
Pengarah, Kastam Negeri Melaka

Yang Berusaha Tuan Mad Akhir bin Adom
Penolong Pengarah, Kastam Negeri Melaka

Y.Bhg. Profesor Dr. Mohd. Razali bin Muhamad
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM

Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Izaidin Bin Abdul Majid
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM

Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Zolkepli bin Buang
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Para Pelajar, Staf, Hadirin dan
Hadirat Sekalian.

1. Alhamdulillah marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah memberi kesempatan untuk kita berhimpun dan bertemu dalam Taklimat berkaitan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada pagi yang berbahagia ini.
2. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berusaha Tuan Hj. Ahmad Zainuddin bin Drahman, Timbalan Pengarah, Jabatan Kastam Diraja Malaysia Melaka dan Tuan Mad Akhir bin Adom, Penolong Pengarah, Jabatan Kastam Diraja Malaysia Melaka kerana sudi meluangkan masa untuk bersama dalam majlis ini seterusnya berkongsi maklumat bersama warga UTeM berkaitan GST yang bakal dilaksanakan di negara kita mulai 1 April 2015.

3. Secara umumnya, kadar GST sebanyak 6% akan dikenakan ke atas semua barang dan perkhidmatan kecuali beberapa barang keperluan dan perkhidmatan asas. Sehubungan itu, amatlah penting bagi kita sebagai kakitangan kerajaan, sebagai pelajar dan sebagai pengguna untuk memahami dan mengetahui kesan dan manfaat GST ke atas kehidupan sehari-hari kita.
4. Suka saya kongsikan di sini bahawa GST bukanlah merupakan satu sistem percukaian baru. Ia diperkenalkan untuk mewujudkan sistem percukaian yang lebih baik, efektif, efisien, telus, mesra perniagaan dan mampu menjana hasil yang lebih stabil berbanding dengan sistem percukaian semasa.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

5. Dalam menjayakan pelaksanaan GST di negara ini, semua syarikat atau organisasi yang mempunyai perolehan jualan tahunan lebih daripada RM500,000 perlu mendaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. UTeM tidak terkecuali dalam perkara ini kerana selain daripada menjalankan urusan utama dalam penjanaan dan penyebaran ilmu, universiti juga turut terlibat secara langsung dalam urusan perkhidmatan, penyewaan, pembekalan, perundingan dan lain-lain lagi yang akhirnya akan menyumbang kepada penajaan pendapatan kepada universiti. Bagi tujuan ini, UTeM telah pun berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia pada 13 November 2014.

6. Selain daripada itu, sebagai tanda sokongan terhadap pelaksanaan GST di samping memudahkan segala urusan yang berkaitan, Pejabat Bendahari UTeM telah menubuhkan satu Unit Pengurusan GST, yang tujuannya bagi memastikan proses pelaksanaan GST di peringkat UTeM berjalan lancar dan sistematik. Sebagai pusat rujukan utama dalam pelaksanaan GST di UTeM, unit ini telah memuat naik pelbagai maklumat bermanfaat berkaitan GST di laman sesawang Pejabat Bendahari untuk rujukan dan panduan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.
7. Diharapkan menerusi sesi taklimat ini, warga UTeM akan mendapat pencerahan dan pemahaman yang mendalam terhadap pelaksanaan GST di Malaysia dan di UTeM secara khususnya.

8. Akhir kata, bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia Melaka di atas kesudian untuk berkongsi maklumat dalam sesi taklimat pada pagi ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh